

Sinar Harian 3/3/2020 m/s 29

Anggota APMM menaikkan  
bubu naga yang dirampas di  
perairan Kuala Perlis kelmarin.



## 84 bubu naga dirampas di perairan Kuala Perlis

**KUALA PERLIS** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Perlis merampas sebanyak 84 bubu naga bernilai RM6,720 di perairan Kuala Perlis di sini kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Nurulazme Zakariah berkata, kesemua bubu naga yang dijual kira-kira RM80 seunit itu dipasang di lapan lokasi berbeza iaitu sekitar jarak 0.5 hingga 1.0 batu nautika barat Kuala Perlis.

Katanya, bot peronda yang sedang melakukan Operasi Aman di perairan Kuala Perlis telah mengesan pelampung berwarna putih yang dipasang sebagai penanda kepada bubu naga yang ditinggalkan individu tidak bertanggungjawab di perairan berkenaan.

"APMM memandang serius perkara ini walaupun telah banyak rampasan

bubu naga telah dilakukan sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Nurulazme berkata, mata pukat bubu naga yang kecil mengakibatkan anak-anak ikan dan udang mudah masuk ke dalam perangkap jaring terbabit.

Menurutnya, tindakan tidak bertanggungjawab itu mampu menjejaskan habitat marin serta mengakibatkan hasil laut semakin berkurangan.

"Sekiranya pemilik bubu naga tersebut dapat ditahan, mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah tidak dibenarkan.

"Kesemua bubu naga tersebut dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut," kata beliau.